

PerantiSiswa beri manfaat kepada 600,000 pelajar

Amirul Aiman Hamsuddin

am@hmetro.com.my



TENGKU Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan beg kepada wakil penerima pada Majlis Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di One Plaza, hari ini. FOTO AMIRUL AIMAN HAMSUDDIN

Kuala Selangor: Program PerantiSiswa Keluarga Malaysia di seluruh negara membabitkan 600,000 pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) setakat ini berjalan lancar.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata Kementerian Kewangan meluluskan semua peruntukan bagi memastikan penyaluran tablet percuma itu kepada semua penerima, khususnya golongan B40.

Menurutnya, program itu berjalan seperti yang dijadualkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tahun ini.

"Bagaimanapun, sama ada (PerantiSiswa Keluarga Malaysia) diteruskan atau sebaliknya, ia bergantung kepada kerajaan baharu yang bakal dibentuk kelak," katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas selepas Majlis Kecemerlangan Pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di One Plaza, di sini.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan melalui Bajet 2023 turut mencadangkan peruntukan secara keseluruhan RM3.8 bilion bagi basiswa dan pinjaman pendidikan.

"Langkah itu sebahagian daripada usaha membantu seluruh Keluarga Malaysia yang berpanduan pendekatan 3R iaitu Responsif, Responsible (Bertanggungjawab) dan Reformis," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan kerajaan menyasarkan semua mahasiswa di lebih 600 IPT menerima manfaat program PerantiSiswa Keluarga Malaysia bagi mencapai fokus dalam Pelan Pendigitalan Pendidikan Tinggi Negara.

Pada fasa pertama, seramai 523 mahasiswa menerima bantuan itu menerusi Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOM) yang disampaikan dalam Majlis Pelancaran Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia, 3 September lalu.

Seramai 1.6 juta mahasiswa di seluruh negara akan menerima kemudahan tersebut apabila program itu disebar ke semua IPT.

Disiarkan pada: November 1, 2022 @ 5:39pm